

Wayang terhebat Tun M - Khaled

Oleh **IZZAT NASURUDEN**
pengarang@utusan.com.my

> **KUALA LUMPUR 7 OKT.**

KONGRES Maruah Melayu yang berlangsung di Stadium Malawati Shah Alam semalam dilihat sebagai 'wayang' politik terhebat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang cuba memberi anggapan orang Melayu telah menyokong beliau.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Dr. Mahathir telah berjaya memainkan sentimen seolah-olah orang Melayu di seluruh dunia perlu mendengar

'wasiat terakhir' beliau dalam kongres tersebut.

"Walhal, kongres ini adalah perhimpunan politik untuk menunjukkan kekuasaan dan keegoan Dr. Mahathir semata-mata dan tidak bersifat menyeluruh. Ini bukanlah gerakan masa dan gerakan kebanyakan orang Melayu untuk kelangsungan bangsanya.

"Lebih mengecewakan, kongres yang ditayangkan secara langsung ini 'memperkudakan' beberapa universiti awam untuk tujuan politik sebuah parti dan cita-cita pemimpinnya bernama Dr. Mahathir," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, tindakan Dr.

Mahathir yang langsung tidak menyentuh dan mengulas segala resolusi yang dibentangkan cendekiawan Melayu turut menjadi persoalan kerana seolah-olah mempergunakan pusat pengajian atas nama Melayu.

Selain itu, beliau berpendapat, kongres tersebut tidak mampu menyaingi Muafakat Nasional antara UMNO dan Pas kerana populariti Pakatan Harapan (PH) serta Dr. Mahathir sendiri yang semakin menurun.

"Dr. Mahathir gagal menggunakan kesempatan dalam kongres itu untuk menjelaskan tawaran kerajaan PH untuk memelihara dan membangunkan orang Melayu. Kalau sekadar untuk menegur sikap orang Melayu, ia boleh dilakukan dalam Perhimpunan Agung Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sahaja," katanya.



MOHAMED KHALED



KERATAN Utusan Malaysia semalam.